

Berkuat kuasa 25 Jun 2020

**Terma dan Syarat Kad Kredit HLB WISE**

Terma dan Syarat ("Terma dan Syarat") Kad Kredit HLB WISE ("Kad WISE") hendaklah dibaca bersama-sama Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian") Hong Leong Bank Berhad ("HLB"). Selain daripada variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian akan berkuat kuasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan di antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma dan Syarat ini, maka Terma dan Syarat ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan atau ketidakselarasan tersebut.

**1. Program Pulangan Tunai ("Program")**

- a. Pemegang Kad WISE ("Pemegang Kad") akan menerima pulangan tunai sehingga 8% ("Pulangan Tunai"), tertakluk kepada yang berikut:
- (i) perbelanjaan minimum RM500 atas Transaksi Runcit Layak (seperti ditakrif dalam Klausus 3a) pada setiap bulan kalendar;
  - (ii) perbelanjaan minimum RM500 tersebut atas Transaksi Runcit Layak dicatatkan dalam bulan kalendar yang sama; dan
  - (iii) Transaksi Runcit Layak tersebut termasuk dalam kategori (iaitu Kategori Perbelanjaan dan Kod Kategori Saudagar) seperti tersenarai dalam Klausus 1b di bawah,

atau apa-apa syarat lain yang dimaklumkan oleh HLB dari semasa ke semasa.

b. Perolehan Pulangan Tunai dipaparkan dalam jadual di bawah:

Kategori Perbelanjaan	Kod Kategori Saudagar (MCC)	Transaksi dilakukan pada Hari-hari Bekerja	Transaksi dilakukan pada Hujung Minggu	Pulangan Tunai Maksimum sebulan
<b>Petrol</b>	MCC: 5542 – Pam Minyak Berautomatik di semua stesen petrol	Nikmati Pulangan Tunai 1%	Nikmati Pulangan Tunai 8%	RM18
<b>Barang Runcit</b>	MCC: 5411 – Semua kedai runcit termasuk Giant, Cold Storage, Jaya Grocer, Mercato	Nikmati Pulangan Tunai 1%	Nikmati Pulangan Tunai 8%	RM18
<b>Jamu Selera</b>	MCC: 5811/5812/5814 – Semua tempat jamu selera	Nikmati Pulangan Tunai 1%	Nikmati Pulangan Tunai 8%	RM18
<b>Lain-lain (tertakluk kepada Klausus 3(a) di bawah)</b>	Mana-mana MCC yang tidak ditakrif di atas	0.25%	0.25%	Tanpa had

- c. Pemegang Kad yang tidak memenuhi perbelanjaan minimum RM500 sebulan seperti dinyatakan dalam Klaus 1(a)(i) dan (ii) tetap akan memperoleh Pulangan Tunai 0.25% atas semua Transaksi Runcit Layak.
  - d. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi yang termasuk dalam senarai seperti dinyatakan dalam Klaus 3(a)(i) hingga (vi) di bawah tidak akan berhak menerima Pulangan Tunai dan aman daripada transaksi tersebut tidak akan diambil kira dan/atau menjadi sebahagian perbelanjaan minimum RM500 itu .
  - e. Kelayakan menerima Pulangan Tunai dikira berdasarkan transaksi yang dicatatkan. Sekiranya aman yang tercatat itu adalah di bawah RM500 pada bulan kalendar berkenaan, Pemegang Kad tersebut tidak akan layak menerima Pulangan Tunai 1% (hari bekerja) atau 8% (hujung minggu) pada bulan berkenaan. Akan tetapi, Pemegang Kad tersebut tetap layak menerima Pulangan Tunai 0.25% bagi Transaksi Runcit Layak yang dibuatnya dalam bulan berkenaan
2. Kelayakan & Penyertaan
- a. Untuk menyertai Program, syarat kelayakan berikut mestilah dipenuhi:
    - i. Akaun Kad WISE Pemegang Kad mestilah sah, mempunyai rekod baik, bayaran tidak bertunggak dan tidak ditutup atau ditamatkan oleh sama ada Pemegang Kad atau HLB.
    - ii. Pemegang Kad mestilah tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat Perjanjian.
    - iii. Kelayakan akan dibatalkan bagi Pemegang Kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisyiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum, semasa ata selepas Program selesai.
3. Terma dan Syarat Program
- a. Terma "Transaksi Runcit Layak" adalah bermaksud apa-apa transaksi belian runcit yang dibuat di dalam negara dan luar negara, termasuk transaksi dalam talian yang dicaj kepada Kad WISE (Kad WISE Utama dan tambahan) tetapi TIDAK TERMASUK transaksi berikut:
    - i. transaksi tunai termasuk tetapi tidak terhad kepada Pendahuluan Tunai dan Pindahan Baki;
    - ii. transaksi Cash-On-Call;
    - iii. fi dan caj termasuk tetapi tidak terhad kepada caj bagi pengeluaran wang tunai dan bayaran tunai, fi tahunan, faedah dan/atau caj kewangan, transaksi dipertikaikan, caj kerajaan seperti cukai dan apa-apa jenis caj dan penalti;
    - iv. transaksi penukaran ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Bayaran Fleksi;
    - v. pindahan dana (daripada atau kepada akaun HLB sama ada oleh HLB atau pihak ketiga);
    - vi. transaksi dipertikaikan yang kemudiannya dibalikkan daripada akaun Pemegang Kad.

Transaksi yang bukan merupakan Transaksi Runcit Layak tidak akan menerima apa-apa Pulangan Tunai dan aman yang dibelanjakan daripada transaksi-transaksi ini tidak akan

menyumbang atau menjadi sebahagian perbelanjaan minimum RM500 bagi setiap bulan kalendar.

Bagi semua transaksi berkaitan kerajaan dan/atau JomPAY, amaun yang dibelanjakan daripada transaksi ini akan menyumbang dan menjadi sebahagian perbelanjaan minimum RM500 bagi setiap bulan kalendar. Akan tetapi, transaksi-transaksi ini tidak akan layak menerima Pulangan Tunai.

- b. Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap bulan kalendar berdasarkan kadar seperti tertera dalam Jadual dalam Klausula 1b di atas dan tidak kumulatif dari bulan terdahulu. Bagi mengelakkan keraguan, Hari Bekerja bermaksud Isnin hingga Jumaat dan Hujung Minggu bermaksud Sabtu dan Ahad.
- c. Pulangan Tunai yang diberi akan digenapkan kepada kiraan Ringgit Malaysia ("RM") yang terhampir. Kredit Pulangan Tunai akan digunakan untuk menampung apa-apa baki belum lunas dalam akaun Kad WISE. Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai yang kena dibayar kepada Pemegang Kad akan dikreditkan ke dalam akaun Kad WISE pada hari ke-28 bulan berikut dan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad. Sekiranya Pulangan Tunai yang kena dibayar kepada Pemegang Kad matang pada atau selepas tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad bulan berikut yang akan datang.
- d. Pulangan Tunai diberi kepada Pemegang Kad berdasarkan jumlah amaun tercatat Transaksi Runcit Layak dalam RM dicaj kepada Kad WISE. Semua transaksi luar negara dan transaksi yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukar kepada RM mengikut kadar pertukaran yang ditentukan oleh HLB atas budi bicaranya yang mutlak.
- e. Bank akan sedaya upaya memastikan Transaksi Runcit Layak dan/atau Pulangan Tunai yang diperoleh sepanjang Program akan dicatatkan tepat pada masanya.
- f. HLB berhak dari semasa ke semasa, setelah notis awal diberi, meminda kadar Pulangan Tunai menurut budi bicaranya yang mutlak.
- g. Penetapan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar bagi setiap saudagar adalah tertakluk kepada pengelasan oleh bank-bank pemperoleh masing-masing dan bank pemeroleh berkenaan bertanggungjawab menentukan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar yang betul. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap penetapan Kategori Saudagar dan Kod Kategori Saudagar yang tidak betul atau berbeza sehingga menyebabkan (i) transaksi tidak dikategorikan sebagai Transaksi Runcit Layak dan/atau (ii) Pulangan Tunai bagi Transaksi Runcit Layak tidak dicatatkan pada saudagar yang layak. Pemegang Kad tidak akan berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap HLB atas tidak tercatatnya Pulangan Tunai lantaran penetapan Kategori Saudagar yang tidak betul atau berbeza oleh bank pemeroleh saudagar masing-masing.
- h. HLB boleh dari semasa ke semasa, atas budi bicaranya yang mutlak, setelah memberi notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad, mengubah, meminda, atau menukar mana-mana Terma dan Syarat ini.
- i. Jika Pulangan Tunai diberi bagi mana-mana Transaksi Runcit Layak yang kemudiannya dibalikkan, maka pembalikan itu akan menyebabkan Pulangan Tunai bersamaan turut dibalikkan.



4. Mata Ganjaran

Mata ganjaran tidak diberi bagi Kad WISE.

5. Perhatian

Kad WISE tidak diberi pelan insurans percuma secara automatik.

6. Variasi Ciri Produk

HLB berhak meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk bagi Kad WISE atau menarik balik Kad WISE pada bila-bila masa setelah notis awal diberi kepada Pemegang Kad. Pertukaran dan pemindaan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh HLB. Berikut itu, HLB boleh atas budi bicaranya menghantar terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan melalui media massa atau menghebahkan notis dalam dewan perbankan HLB Bank atau laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau apa-apa cara yang HLB anggap sesuai tentang penambahan, pengubahsuaian atau pemindaan ciri-ciri produk itu.